



**TAWARAN PENAJAAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)
BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN PERINGKAT DIPLOMA DI BAWAH
PROGRAM DERMASISWA B40 TAHUN 2023**

1. PENGENALAN

Program Dermasiswa B40 mula diperkenalkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di bawah Model Baharu Penajaan pada tahun 2016. Objektif pelaksanaan program ini adalah untuk meningkatkan akses kepada pendidikan tinggi dan latihan kemahiran kepada pelajar dari latar belakang golongan B40 sebagai strategi untuk meningkatkan pendapatan isi rumah B40 serta mewujudkan platform kepada *upward mobility*.

Penajaan di bawah program ini membantu **pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2022** dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah iaitu golongan B40 untuk melanjutkan pengajian ke pengajian peringkat diploma, khususnya di peringkat Diploma dalam bidang berfokuskan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di institusi yang dikenal pasti mempunyai prospek kebolehpasaran yang tinggi dalam industri. Penajaan yang diberikan adalah berbentuk Dermasiswa.

2. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Calon-calon yang berminat mestilah memenuhi syarat-syarat umum dan khusus permohonan seperti berikut:

2.1 Syarat-Syarat Umum

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) Mempunyai kesihatan yang baik;
- (iii) Ibu dan / atau bapa tidak disenarai hitam oleh JPA atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh pihak JPA;
- (iv) Menduduki peperiksaan **SPM 2022 buat kali pertama** di mana-mana sekolah menengah termasuk **sekolah khas, sekolah swasta** atau **calon-calon persendirian**;

- (v) Umur belum mencapai 19 tahun, atau belum mencapai 20 tahun bagi pelajar peralihan pada 31 Disember tahun peperiksaan SPM diduduki; dan
- (vi) Pendapatan perkapita dalam kategori B40 iaitu **RM4,849.00 sebulan dan ke bawah.**

2.2 Syarat Khusus

Bagi IPTS yang dikenalpasti:

- (i) **Menduduki SPM 2022 dan mendapat kepujian** bagi mata pelajaran **Bahasa Melayu dan Sejarah** serta **mendapat sekurang-kurangnya gred C** dalam mana-mana **tiga subjek lain** yang diambil; dan
- (ii) **Telah mendapat tempat dan memulakan pengajian di institusi pengajian tersebut.**

TAMAT